

Sasar promosi produk ke antarabangsa

PPK Batu Laut rancang wujudkan tanaman rock melon secara meluas



Sebahagian peserta pertandingan gubahan bunga bersama produk yang dihasilkan.

BATULAUT - Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Batu Laut mensasarkan lebih banyak produk pertanian di kawasan sekitar dapat dipromosikan ke peringkat antarabangsa.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Batu Laut, Ahmad Abd Karim berkata, pada masa ini pihaknya sedang merancang mewujudkan penanaman rock melon secara meluas di setiap unit di bawah PPK Batu Laut.

Menurutnya, kawasan penanaman rock melon seluas dua hektar di Kampung Endah dan 0.4 hektar di Kampung Tumbok mendapat sambutan dengan dua kali pengeluaran.

"Kami jangkakan lepas ni ramai lagi pengeluar baharu dapat bersaing melibatkan 10 unit peladang di Batu Laut.

"Kami nak tengok mereka puas

bila melihat produk yang asalnya agak susah ditanam membuatkan hasil yang boleh menjana pendapatan lumayan," katanya kepada Sinar Harian pada Hari Bertemu Pelanggan di PPK Batu Laut, semalam.

Ahmad berkata, beliau mengakui produk pertanian di Batu Laut turut menjadi tumpuan pelancongan apabila kebanyakan pelancong dibawa singgah untuk melihat sendiri produk yang ada.

Beliau berkata, keadaan itu membuktikan petani, penternak dan pengusaha industri kecil dan sederhana di sini mengeluarkan produk yang boleh dibanggakan.

"Selain itu, kami juga membawa seminar peluang dan bantuan kepada penanaman kelapa sawit dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) kepada peserta.

"Pengetahuan maklumat MPOB ini penting bagi membantu pekebun kecil mendapat informasi terkini," katanya.

Ahmad berkata, beliau juga mahu ahli rapat dengan PPK dan terus berurusan dengan PPK dalam pembelian bahan dan lain-lain.

Beliau turut mengakui persaingan setiap unit mengeluarkan produk mereka adalah persaingan sihat selain membuktikan mereka boleh memantapkan produk mereka.

Dalam program berkenaan, Pengurus Besar PPK Batu Laut, Mohamad Mohd Lazim turut hadir memberi sokongan kepada ahli Peladang yang turut hadir.

Selain itu, pelbagai aktiviti diadakan termasuk pertandingan gubahan bunga, pertandingan membuat lepat dan demonstrasi masakan.

Galak warga KKKL menulis

JUGRA - Perpustakaan Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) dengan kolaborasi Unit Bibliografi Negara dan Pusat Penyerahan Terbitan Negara, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menganjurkan program 'Publish Your Own' salah satu aktiviti galakan pembinaan koleksi dan pendokumentasian bahan ber cetak dan tidak ber cetak.

Menurut Pengarah Kolej Komuniti Kuala Langat, Lettenan Kolonel Bersekutu, Zainah Rujihan, pihaknya menyokong program ini diadakan bagi menggalakkan warga KKKL lebih banyak menulis dan menerbitkan hasil penulisan mereka.

"Pada program ini, peserta dide dahkan dengan modul yang terdapat dalam penerbitan bahan, teknik menulis dan mengurus kawalan kualiti rekod indeks artikel dan majalah terbitan negara.

"Selain itu, program ini mem promosikan perkhidmatan Pengkatalogan dalam Penerbitan (PDP) dan mendedahkan kepada peserta berkaitan pengurusan pem berian International Standard Book Number (ISBN) dan International Standard Serial Number (ISSN) kepada penerbit," katanya, semalam.

Zainah berkata, harapannya selepas program ini, warga KKKL da

pat mengeluarkan penerbitan yang mempunyai ISBN dan ISSN.

Beliau mensasarkan sekurang kurangnya lima penerbitan daripada KKKL akan mendapat ISBN/ISSN.

"Secara keseluruhan, program 'Publish Your Own' dapat melahirkan warga KKKL yang mampu menerbitkan bahan rujukan berkualiti dengan maklumat dan panduan yang jelas bagi menyemarakkan aktiviti penerbitan bahan."

"Selepas ini dijangka budaya penerbitan dalam kalangan warga KKKL terutamanya kakitangan akademik akan meningkat," katanya.

Pada program berkenaan, seramai 30 pegawai yang terdiri daripada pi huk pengurusan perpustakaan, ketua program, ketua unit serta kakitangan yang terlibat secara langsung dalam bidang penerbitan bahan rujukan telah mengikuti taklimat yang dikelola kan pegawai daripada Pusat Bibliografi Negara, Nor Amin Maidin dan Mohd Hafiz Salim dari Pusat Penyerahan Terbitan Negara.

Dalam program ini peserta juga dibawa melawat ke bahagian pembinaan koleksi dan pendokumentasi an di Pusat Bibliografi Negara untuk melihat secara lebih dekat prosedur pelaksanaan pendokumentasi an bahan rujukan.



Peserta dide dahkan dengan proses yang berkaitan penerbitan.



Sebahagian peserta di hadapan Perpustakaan Negara.